

Headline **Pusat perlukan jururawat, penjaga**
Date **30 Aug 2009**
MediaTitle **Sinar Harian**
Section **Nasional**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
ADValue **1,078**

Language **Malay**
Page No **N15**
Article Size **196 cm²**
Color **Full Color**
PRValue **3,234**



Pusat perlukan jururawat, penjaga

PENGARAH Darul Ukhwah Yayasan Al-Ijabah, Haliza Abd Halim memberitahu, pihaknya kini sedang berusaha untuk mendapat khidmat jururawat dan penjaga pesakit bagi melancarkan operasi penjagaan selain langkah persediaan untuk pesakit yang bertambah di masa akan datang.

"Kita ada terima cadangan dan desakan daripada pihak hospital supaya kita segera mendapatkan jururawat yang mengendalikan ubat-ubatan pesakit dan penjaga yang akan mengurus pesakit itu seperti mandi, menukar lampin dan sebagainya.

"Ini kerana ada pesakit yang kini mendapat rawatan di hospital memerlukan penjagaan dan pengawasan yang rapi. Untuk itu, jururawat dan penjaga itu sangat diperlukan agar pesakit itu dapat ditempatkan di rumah ini.

"Oleh itu, kami membuka tawaran ini kepada mereka yang berpengalaman terhadap perkara tersebut untuk berkhidmat dengan kami dan akan dibayar dengan gaji bulanan," katanya.

Haliza memberitahu pihaknya kini



● Haliza (berdiri kanan sekali) hadir dalam majlis berbuka puasa di restoran Kelantan Delights

sudah mempunyai lima pekerja tetap untuk mengurus dan melancarkan aktiviti rumah jagaan itu. Dalam menguruskan rumah jagaan ini, beliau mengakui ia satu cabaran besar buat pihak pengurusan mencari dana untuk menampung kos operasi bulannya.

"Dari segi kewangan kita ada menerima peruntukan daripada Majlis Aids Malaysia yang merupakan pemegang amanah kepada

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

"Insya-Allah, selepas Aidilfitri ini, kita akan memulakan aktiviti membuat hasil-hasil kraf tangan yang boleh dijual dan hasilnya boleh digunakan menganggung kos operasi rumah ini.

"Kita juga mengalu-alukan sumbangan kewangan daripada orang ramai dan syarikat korporat," katanya.